**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 11 Sep2021 (Saturday)

**Berita Harian**
Wajibkan ujian kualiti udara di premis tertutup 1

**Utusan Malaysia**
Wujudkan pelancongan agro di HSKLU 2

**Sinar Harian**
Selangor sambut baik kebenaran guna sikil vaksinasi Selangkah 3
Terus patuh SOP, elak kes Covid-19 melonjak 4
Gergasi Merah buru penutup cemerlang 5

**The Star**
Link road eases traffic congestion, shortens travel time in Bandar Kinrara 6

**The Edge**
LOCAL GOVERNMENT ACT 1976 ('LGA'): POWER TO IMPOSE ANNUAL VALUE AND RATES PREPARATION OF VALUATION LIST 7
The Malaysian Association of Hotels Selangor Chapter 8

**China Press**
Self-test positive but concealment to reports; Lee Fu Haw: Deaths case fear of increase before sent to hospital. 9

**Guang Ming Daily**
Stimulating tourism; Selangor allocation millions ringgit launch coupon 2.0. 10

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**11 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Wajibkan ujian kualiti udara di premis tertutup |
| Muka Surat | : | 1 |

# Wajibkan ujian kualiti udara di premis tertutup

**Oleh Ahmad Suhael Adnan**
ahmad.suhael@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan diminta mewajibkan premis tertutup mengukur kepekatan karbon dioksida secara berkala bagi memastikan sistem pengudaraaan sentiasa baik sekali gus mengurangkan risiko penyebaran virus COVID-19 di udara.

Pakar kesihatan persekitaran dari Universiti Selangor (UNISEL), Prof Dr Jamal Hisham Hashim, berkata kerajaan boleh menetapkan peraturan itu terhadap premis tertutup seperti tempat kerja, pawagam dan wad hospital bagi mengurang atau mengelakkan jangkitan COVID-19 yang tersebar melalui udara.

Katanya, pemeriksaan kepekatan karbon dioksida secara berkala juga membolehkan pemilik premis menguji keberkesanan sistem pengudaraan dalaman supaya ia sentiasa berada dalam keadaan baik.

"Pembukaan sesuatu premis tertutup seperti tempat kerja dan pawagam akan meningkatkan risiko jika ada pesakit COVID-19 masuk ke ruang berkenaan.

*Nasional* 2

# Ukur kepekatan karbon dioksida secara berkala

*Dari Muka* 1

"Bagi mengetahui sama ada pengudaraan premis tertutup itu mencukupi, pengukuran kepekatan karbon dioksida dalam premis boleh dibuat secara berkala untuk menguji kecekapan sistem pengudaraan dalaman.

"Kepekatan karbon dioksida di udara luaran adalah 410 ppm. Kepekatan bagi udara dalam premis tertutup yang baik tidak seharusnya mempunyai kepekatan melebihi 1,000 ppm," katanya kepada *BH*.

Beliau mengulas hasil kajian penyelidik tempatan yang mendapati premis atau ruang tertutup, khususnya gimnasium dan pejabat berisiko meningkatkan penyebaran virus COVID-19 di udara melalui aerosol kerana kelemahan sistem pengudaraan dan kualiti udara dalaman yang kurang baik.

Ruang tertutup dengan sistem pengudaraan yang lemah boleh mempercepatkan kadar kematian pesakit COVID-19, khususnya yang mempunyai komplikasi kesihatan seperti asma, meningkatkan risiko jangkitan dalam kalangan individu sihat berbanding di kawasan terbuka.

Itu antara dapatan kajian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang diketuai Pensyarah Kanan Jabatan Sains Bumi dan Alam Sekitar, Prof Madya Dr Mohd Shahrul Mohd Nadzir, terhadap ruang tertutup di hospital pada Mac tahun lalu.

Mengulas lanjut, Jamal Hisham berkata, virus bentuk aerosol boleh melekat pada partikel halus dan terapung di udara selama beberapa jam dan bergerak sehingga beberapa meter, atau mengalir melalui sistem pengudaraan dalaman.

Katanya, virus boleh terkumpul di udara dalam dos yang tinggi jika sistem pengudaraan tidak cekap, dan berupaya menjangkiti hos baru yang sihat.

"Mengikut Persatuan Kesihatan Industri Amerika Syarikat (AIHA), sistem pengudaraan dalaman bagi mengelakkan jangkitan penyakit seharusnya berkeupayaan menukar udara dalaman dengan udara luar sebanyak enam hingga 12 kali pertukaran udara dalam sejam (ACH), atau sekurang-kurangnya 4.5 ACH.



*Alat mengukur kepekatan karbon dioksida.*

"Penapis udara berzarah kecekapan tinggi (HEPA) juga boleh digunakan bagi menggantikan pertukaran udara luaran. Namun, kepadatan pengunjung perlu dihadkan kepada seorang bagi setiap 30 kaki persegi atau 2.8 meter persegi luas ruang dalaman," katanya.

Ditanya mengenai premis tertutup menggunakan sistem pendingin hawa yang hanya mengitar semula udara tanpa pengambilan udara segar, Jamal Hisham menyarankan premis seumpamanya menggunakan penapis HEPA dalam sistem pengudaraan.

"Penapis HEPA mampu menapis keluar 99.9 peratus partikel yang berdiameter 0.3 mikron. Walaupun virus adalah lebih kecil daripada ini, virus yang melekat pada partikel halus di udara dapat dikeluarkan bersama," katanya.


*Menjadi tanggungjawab majikan dan pemilik bangunan untuk mematuhi semua prosedur bagi memastikan peredaran udara yang betul dan meningkatkan pengudaraan di semua bangunan dan tempat kerja.* (Foto hiasan)

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>11 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Wujudkan pelancongan agro di HSKLU |
| Muka Surat | : | 10 |

# Wujudkan pelancongan agro di HSKLU

**Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
athir.ismail@mediamulia.com.my

**SHAH ALAM:** Orang Asli di Kampung Busut Baru, Kuala Langat berhasrat mewujudkan produk pelancongan agro di Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) berikutan kawasan itu merupakan hutan paya gambut.

Selain kaya dengan kepelbagaian bio, tanah gambut hutan tadahan hujan itu juga dilaporkan menyimpan kira-kira 15 bilion liter air.

Hasrat itu dikongsikan oleh Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Orang Asli Busut Baru, Samsul Senin yang memberitahu penduduk kampung boleh kongsikan keunikan hutan itu kepada pengunjung.

"Kita mengalu-alukan kedatangan orang luar yang ingin berkhemah dalam HSKLU seperti untuk tujuan kajian atau pelancongan agro dan jika terdapat pengunjung yang hendak buat aktiviti rentas hutan pun Orang Asli boleh bawa.

"Sebab kawasan hutan ini sangat luas selain paya gambut, ada haiwan liar yang biasanya bergerak aktif pada awal pagi dan juga lewat petang," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau berkata demikian mengulas pengumuman Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari yang membatalkan penyahwartaan HSKLU selepas keputusan itu dicapai dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada Rabu lalu.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan penduduk kampung Orang Asli di Kuala Langat Utara membantah penyahwartaan 536.7 hektar HSKLU

Selain perlindungan terhadap alam sekitar, penerokaan hutan tersebut dibantah berikutan Orang Asli mendakwa mempunyai hak ke atas kawasan tersebut yang diwartakan kepada mereka oleh Kerajaan British pada 1927.

Dalam pada itu, seorang penduduk Kampung Busut Baru, Bonin Baba, 72, memberitahu berasa lega dengan pembatalan penyahwartaan hutan simpan berkenaan.

"Banyak tumbuhan herba untuk tujuan perubatan boleh didapati dalam hutan itu contohnya daun tapak sulaiman yang digunakan untuk ubat sakit perut.

"Selain itu, terdapat hasil hutan yang dijual seperti rotan, mengkuang dan bakul yang diperbuat daripada batang daun pokok bertam yang daunnya dibuat atap rumah," ujarnya.



**ORANG Asli Suku Temuan yang tinggal di Kampung Busut Baru di Kuala Langat, Selangor menyifatkan HSKLU amat penting dalam kehidupan mereka dan menghargai usaha kerajaan negeri mewartakannya semula. - UTUSAN/AFIQ RAZALI**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**11 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Selangor sambut baik kebenaran guna sikil vaksinasi Selangkah |
| Muka Surat | : | 25 |

# Selangor sambut baik kebenaran guna sijil vaksinasi Selangkah

**SHAH ALAM -** Kerajaan Selangor menyambut baik kenyataan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar yang membenarkan penggunaan sijil vaksinasi aplikasi Selangkah bagi penerima vaksin di bawah Program Vaksinasi Selangor (Selvax).

Exco Kesihatan Awam, Perpaduan, Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud berkata, perkara tersebut dipersetujui dalam sidang media Menteri Kesihatan pada Khamis.

Menurutnya, kerajaan Selangor melihat keputusan tersebut sebagai suatu bentuk pengiktirafan terhadap inisiatif yang dilaksanakan pihaknya bagi melengkapi usaha kerajaan Persekutuan dalam menangani pandemik Covid-19.

"Oleh itu rakyat Selangor yang masih belum menerima sijil vaksinasi digital MySejahtera kini boleh menggunakan sijil vaksinasi di dalam aplikasi Selangkah sebagai dokumen pengesahan bagi keperluan aktiviti harian," katanya pada Jumaat.

Pada Khamis, Khairy Jamaluddin mengumumkan pasukan yang menguruskan aplikasi MySejahtera diberi tempoh seminggu untuk menyelesaikan isu berkaitan sijil digital vaksinasi.

Ujarnya, ia berikutan ada individu yang telah menerima suntikan vaksin lengkap, namun aplikasi berkenaan tidak memaparkan sijil digital itu.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>11 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Terus patuh SOP, elak kes Covid-19 melonjak |
| Muka Surat | : | 25 |

# Terus patuh SOP, elak kes Covid-19 melonjak

Peralihan ke Fasa 2 PPN di Selangor adalah usaha berterusan tingkatkan kadar vaksinasi

Oleh NORAFIZA JAAFAR

SHAH ALAM

Peralihan ke Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkuat kuasa Jumaat di Selangor merupakan usaha berterusan semua pihak meningkatkan kadar vaksinasi yang kesannya dapat dilihat melalui penurunan kes Covid-19.

**PERALIHAN FASA 2 PPN**

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari menerusi kemas kini di Facebook turut mengingatkan rakyat supaya terus membiasakan diri dengan norma baharu dan kekal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan bagi mengelakkan lonjakan kes Covid-19 berulang.



AMIRUDIN

"Amalan ini adalah sebahagian dari norma baharu yang harus menjadi tanggungjawab bersama seluruh rakyat Selangor," katanya.

Katanya, menjaga SOP menjadi tanggungjawab bersama dan tidak menolak kemungkinan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan dilaksanakan semula jika berlaku lonjakan kes.

"Kita harus belajar daripada beberapa contoh yang terjadi apabila kadar jangkitan telah menurun hasil daripada vaksinasi, namun lonjakan kes berlaku kerana kegagalan mematuhi SOP.

"Kealpaan ini akan menyebabkan jangkitan merebak dan beberapa sekatan akan dikuatkuasakan semula," katanya.

Rabu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dalam satu kenyataan memaklumkan Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya beralih kepada Fasa 2 PPN berkuat kuasa Jumaat yang membolehkan tiada sekatan pergerakan antara negeri-negeri ini.

MENDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 11 September 2021

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Gergasi Merah buru  penutup cemerlang |
| Muka Surat | : | 39 |




IFEDAYO

FOTO: FB SELANGOR FC

## Gergasi Merah buru penutup cemerlang

**SELANGOR** FC tekad mengakhiri saingan Liga Super dengan noktah kemenangan ke atas PJ City FC dalam aksi di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada Ahad.

Pengendali Selangor FC, Karsten Neitzel berkata, barisan pemainnya sudah bersedia untuk meraih tiga mata penuh, sekali gus mengekalkan rekod tanpa kalah dalam tujuh perlawanan terakhir liga.

"Kami bersedia untuk perlawanan terakhir itu. Saya percaya kami ada cara terbaik untuk menyediakan pemain dan menurunkan pasukan yang bagus untuk aksi bertemu PJ City.

"Saya harap para pemain dapat merealisasikan impian meraih kemenangan dalam aksi terakhir Liga Super musim ini," katanya.

Sang Gergasi Merah masih belum tewas dalam enam perlawanan terakhir apabila merekodkan lima kemenangan dan satu seri selain berada di kedudukan kelima dengan 36 mata.

Dalam pada itu, Neitzel terus mengharapkan sentuhan penyerang berbisa, Ifedayo Olusegun untuk terus mencetak gol dalam aksi berdepan PJ City FC nanti.

Malah, dia turut berbangga dengan kejayaan Olusegun yang sudah memecahkan rekod penjaring gol terbanyak dalam kancah Liga Super dengan 25 gol.

"Jika dia berjaya menjaringkan gol lagi dalam perlawanan menentang PJ City, rekodnya akan terus utuh. Apa yang dilakukannya ketika ini amat luar biasa dan saya percaya dia akan terus efektif di depan gol," ujarnya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>11 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | Link road eases traffic congestion, shortens travel time in Bandar Kinrara |
| Muka Surat | : | 2 |



Ng (left) opening the barricades at the 500m road link at Jalan Kinrara 6.

# Link road eases traffic congestion, shortens travel time in Bandar Kinrara

THE opening of a 500m stretch of road at Jalan BK 6, Bandar Kinrara in Puchong, Selangor, has reduced congestion in the area.

The newly completed link also shortens motorists' route to Lebuhraya Bukit Jalil and allows them to avoid traffic congestion outside Enggang Apartments at Jalan Kinrara 6F and Persiaran Puncak Jalil.

Selangor local government, public transportation and new village development committee chairman Ng Sze Han, who officiated at the opening of the barricades at Jalan Kinrara 6, said the missing link was opened on one side so that traffic could flow into Lebuhraya Bukit Jalil, which cut travel time to the highway.

"But for incoming traffic from Lebuhraya Bukit Jalil or Persiaran Puncak Jalil, the motorists have to wait until December because we need to instal traffic lights at the intersection into Jalan BK 6 to regulate traffic," he said.

Ng said the road would benefit almost 5,000 households in the immediate area.

"The link that has taken some five years to materialise will help disperse traffic smoothly for those heading to Kuala Lumpur as they do not need to drive through Jalan Kinrara 6F that connects Bandar Kinrara and Puncak Jalil," he concluded.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>13 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Edge |
| Tajuk Berita | : | LOCAL GOVERNMENT ACT 1976 ('LGA'): POWER TO IMPOSE ANNUAL VALUE AND RATES PREPARATION OF VALUATION LIST |
| Muka Surat | : | 53 |

# LOCAL GOVERNMENT ACT 1976 ('LGA'): POWER TO IMPOSE ANNUAL VALUE AND RATES AND PREPARATION OF VALUATION LIST

**Federal Court ('FC') rules that rates cannot be imposed in a laissez-faire fashion and there must be full compliance with the provisions of the LGA**

Local authority areas are established for local authorities to administer, whether styled as municipal or district councils. These local authorities are local governments with their attendant powers, duties and responsibilities set out in the LGA. To finance their activities in discharging their duties and responsibilities, part of the revenue is raised from rates imposed on holdings located within the area of local authority ('Rateable Holdings'), which imposition must be on a 'just and proper' basis as provided for in s 129 of the LGA. The LGA also contains extensive provisions dealing with how rates are to be assessed and levied — beginning from preparation of the Valuation List ('VL') with the cooperation of owners of holdings for determination of the annual rates by the State Authority, notification by *Gazette* and advertisements that the VL has been prepared and followed by public inspection and objections by persons aggrieved. Each VL has a life span of five years and until a new VL is prepared, the existing VL remains in force until superseded by a new VL. A VL may be revised or amended on or before 31 December of the year preceding the year any VL is to come into force provided that revisions or amendments may only be made in respect of Rateable Holdings, or holdings which are already subject to the payment of rates levied under the LGA.

### Issues

What are the powers of a local authority in imposing rates on holdings within its area of local authority? How may the powers be exercised? What is the statutory lifespan of a VL and how may its statutory lifespan be extended and by whom? Is it possible to amend an existing VL to include holdings that are not previously Rateable Holdings within the VL and what processes are involved in revising the annual value of the Rateable Holdings? These were major questions that the FC had to resolve in Majlis Daerah Hulu Selangor v United Plantations Bhd (Judgment dated 14.7.2021).

### Case summary and decision

United Plantations Bhd ('UPB') owned about 3000 hectares of holding in the District of Ulu Selangor, upon which it carries on an oil palm plantation business ('UPB's holding'). Prior to July 2008, UPB's holding was not within the boundaries of the Hulu Selangor District Council, which meant that it was not rateable. In July 2008, the boundaries of the Hulu Selangor District Council were extended to include UPB's holding. In July 2016, Majlis Daerah Hulu Selangor ('MDHS') issued a Notice of Extension of Valuation List prepared for the year 1996 ('Extension of VL 1996'), stating that its expiration date of 31.12.2016 was extended to continue in force until 31.12.2019. In May 2018, MDHS issued to UPB a Notice of Amendment of VL ('Amendment of VL 1966') under s 144(1) of the LGA to include UPB's holding and that with effect from July 2018, the value of UPB's holding was RM17,351,300.00 and the annual rate payable was RM173,513.00. UPB objected and after hearing UPB's objections, MDHS informed UPB that it was maintaining its position.

On appeal to the High Court ('HC'), it was held that (a) the Amendment of VL 1996 was void and *ultra vires* the LGA; (b) the Amendment of VL 1996 to include UPB's holding, which was not previously rated under the LGA, was illegal; and (c) non-compliance with the mandatory provisions of the LGA rendered the acts of MDHS invalid. MDHS appealed to the FC on questions of law pursuant to s 145(5) of the LGA. In a unanimous decision delivered by Mary Lim Thiam Suan FCJ (Nallini Pathmanathan and Hasnah Mohammed Hashim FCJJ concurring), MDHS's appeal against the decisions of the Courts below were dismissed.

The FC carried out a forensic and detailed examination of the LGA and held that it was a structured and comprehensive piece of legislation. In context, MDHS had misinterpreted the provisions of the LGA and had misapplied its provisions, or had applied the provisions in a *laissez faire* manner — (a) the Extension of VL 1996 contravened s 137 of the LGA in that a VL only has a statutory lifespan of five years and a new VL must be prepared once in every five years unless extended by the State Authority; (b) the VL of 1996 expired in 2001 and the State Authority did not extend it; (c) in the absence of a new VL to replace the VL 1996, the VL 1996 continued to apply; (d) the Amendment of VL 1996 to include UPB's holdings was invalid in that UPB's holding was a new holding as a consequence of delineation of the boundaries of the Hulu Selangor District Council; and (e) in the absence of a valuation report, the notice of Amendment of VL 1996 and MDHS's decisions relating to UPB's Holding were without justification or basis.



From left: Nallini Pathmanathan, Hasnah Hashim and Mary Lim FCJJ

*[63] ... Rates are ...not imposed in a laissez-faire fashion and cannot at all be imposed arbitrarily. On the contrary, it is structured and dictated by the provisions of [the LGA]...[The]...elaborate due process which we see...accord with Article 96 of the Federal Constitution, it is imperative that the prescribed process must be complied with. Any default or failure, if not within any of the permissible limits of the legislation must, in our mind, render the relevant decision liable to be set aside.*

*[64] ...the facts disclosed that there was only one Valuation List prepared on 14.12.1995 for the year 1996 ... From the notification dated 14.12.1995 and gazetted on 21.12.1995, that Valuation List shows that it is actually a revised Valuation List...*

*[66] That same Valuation List was then amended under section 144 of Act 171 two years later on 17.5.2018, to include the UPB Holdings which was not in the 1996 Valuation List, following a re-boundary exercise.*

*[67] Put simply, for over twenty years, MDHS imposed rates and collected revenue based on that single Valuation List prepared for the year 1996 and completed way back in 1995... that [was] a serious dereliction of its duties and responsibilities...*

*[70] Where the new Valuation List cannot be prepared and completed within the five-year period, that time period may be extended. Until a new Valuation List is prepared and completed, the existing Valuation List will remain in force until it is superseded by the new Valuation List. What is envisaged under section 137(3) is an extension of the time for the preparation and completion of a new Valuation List; not an extension of the validity of the existing Valuation List...*

*[73] The unexplained failure of MDHS to prepare and complete a new Valuation List every five years or even seek an extension of the period for such preparation and completion from the State Authority is reprehensible as MDHS, as the local authority charged with jurisdiction and mandate to collect rates and thereby revenue under the Federal Constitution must carry out its functions within the limits and terms as prescribed by [the LGA]. All things being equal and in the absence of any extensions of time by the State Authority, a period of over twenty years would have seen at least four new Valuation Lists prepared and completed under the terms of section 137(3). In this case, MDHS did none but instead imposed that same Valuation List prepared for the year 1996 over and over again for twenty years.*

*[75] We are therefore of the firm view that this Notice of Extension dated 11.7.2016 seeking to extend the Valuation List for the year 1996 effectively until 2019 is clearly invalid and of no effect...*

*[76] Further, we are of the view that the amendment conducted in 2016 to include the UPB holdings is also invalid because the UPB holdings is a new holding and does not fall within the definition of rateable holding as defined*

*[77] ...we disagree that a new holding may be added to an existing Valuation List through an amendment exercise following a re-boundary authorised under section 4(3). Although State Authorities may redraw the boundaries of any local authority within its jurisdiction, local authorities cannot begin to impose rates on holdings which hitherto were outside their jurisdiction... the local authority is obliged to come out with a new Valuation List whenever there is a re-boundary exercise or at least to wait till the next new Valuation List before it may impose its rates on holdings which newly fall within its jurisdiction...*

**Justice Mary Lim**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>13 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Edge |
| Tajuk Berita | : | The Malaysian Association of Hotels Selangor Chapter |
| Muka Surat | : | 62 |



5 The Malaysian Association of Hotels Selangor Chapter raised RM90,000 for its second food aid programme through generous contributions in cash and in kind from organisations such as Tourism Selangor, English Hotbreads, Sama-Sama Hotel KLIA, Acappella Suite Hotel, Dorsett Grand Subang (pictured), Silka Maytower, BMC Tours & Travel, Ministry of Tourism, Arts and Culture, and Yeo Hiap Seng (Yeo's). A total of 880 food boxes filled with essential items were distributed to hoteliers in need in Selangor and Putrajaya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>10 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | China Press |
| Tajuk Berita | : | Self-test positive but concealment to reports; Lee Fu Haw: Deaths case fear of increase before sent to hospital. |
| Muka Surat | : | 2 |

# 自檢呈陽卻瞞報

## 李富豪：送院前死例恐增

（巴生9日讯）自助冠病测试剂盒推出市场后，自行检测成了新趋势，然而一些民众自检呈阳性反应后，却不知道如何上报卫生局，一些则怕麻烦选择沉默不报，埋下送院前死亡病例增加和扩散传染隐忧！

巴生市议会卫生小组委员李富豪市议员今日向媒体披露，雪州和巴生县近来确诊病例大幅减少，疫情开始趋缓，原本值得高兴，但是不排除当中存在类似"瞒报"的危险情况，没有真正反应确诊数据。



■李富豪：很多人自检呈阳性反应后，不知道怎么上报。

他说，卫生部继缩减隔离期限从14天减少至10天、不需佩戴隔离手环等政策，导致社区感染恶化后，如今检测盒的推出，恐怕社区会存在更多隐藏患者，卫生部有必要关注此事。

"虽然确诊病例减少，但是社区隐藏越来越多患者，一样非常危险。"

他指出，以前是由医护人员或诊所检测呈报，现在则取决于确诊者自己是否要老实呈报。

"我近来接获不少投诉，一些民众在自检呈阳性反应后，不知道如何呈报，一些人也选择隐瞒，也有人直到有家属病重时，才向我求救。"

他举例，巴生一家五口自行在家检测后，父母和3个小孩全家确诊，最小的孩子才6个月大，他们一开始自行居家隔离，孩子也自行看顾。

### 發燒不退才求助

"但是，后来最小的孩子一直发烧，父母试著打给卫生局却没接通，直到小孩发烧2天，才打电话给我求助。"

他说，他马上指示对方一家，隔天早上立即前往冠病评估中心，当下直接接受进一步检专业测和安排。

他指出，另一个例子是，有雇主自行给员工检测后，呈阳性反应，但是雇主只安排确诊员工在宿舍隔离，并没有上报予卫生局。

---

## 自私確診者仍趴趴走
## 居家隔離政策存漏洞

李富豪指出，居家隔离政策和瞒报问题，导致送院前死亡病例（BID）增加，一些不负责任的确诊者和密切接触者"趴趴走"，一旦感染给高风险群或小孩，一样有致命危险。

他说，上述一家五口集体确诊的案例，就有3名确诊者是小孩，最小的只有6个月大。

"居家隔离和没有上报，一些患者突然病情恶化，包括血氧下降、心跳加速、呼吸困难等，我上周就至少接获3至4宗的BID投报。"

他说，无可否认，雪州大部分成人接种疫苗，加上最新一波疫情的筛检呈阳率连续一段长时间超过10%，无形中也导致确诊者有了抗体，达至集体免疫效果，然而社区内，还有人没有接种疫苗，而且变种病毒已经无孔不入。

他指出，现在要求居家隔离，但是一些没有症状者却按捺不住在外流动，密切接触者也一样，他们都有可能把家里的病毒带出来。

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR 11 September 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Guang Ming Daily |
| Tajuk Berita | : | Stimulating tourism; Selangor allocation millions ringgit launch coupon 2.0. |
| Muka Surat | : | 4 |

（八打灵再也10日讯）为了刺激雪州旅游业，雪州政府特别拨款100万令吉，民众最快可从今年9月或10月索取各值100令吉的雪州旅游优惠券2.0，以便在下个月在雪州境内旅游。




■为刺激雪州旅游业，许来贤宣布州政府将从9月或10月内发放新一轮的旅游优惠券。（视频截图）

# 刺激旅遊業
# 雪撥百萬推優惠券2.0

掌管雪州旅游、环境、绿色科技及原住民事务的行政议员许来贤说，2021年仅剩3个月多就结束，州政府将会在9月或10月内派发“雪州旅游券2.0”，让民众趁有效期限内，于10月开始兑换，在地旅游。

## 最快本月或下月派发

《当今雪州》报道，许来贤昨天在雪州旅游局的脸书线上直播作出上述宣布时说，州政府早在今年1月，通过Touch’n Go电子钱包及网购平台Lazada，以电子固本方式派发总值200万令吉的雪州旅游优惠券1.0。

雪州政府曾于去年12月，发放每份价值200令吉的优惠券，以帮助旅游领域包括酒店业、游乐主题园以及民宿业者复苏经济。

在6月9日，州政府推出涉及逾5亿令吉的“我们的雪州2.0”援助配套，包括拨款255万令吉以通过4大措施振兴雪州旅游业，即拨款100万令吉推出“雪州旅游优惠券2.0”。

另一方面，许来贤同时也在线上直播，象征式颁发25万5000令吉的拨款给州内17家旅游协，每家可获得1万5000令吉一次性援助，希望这笔援助有助重振州内的旅游工业。

他说，有关援助可确保州内旅游持续运作，州政府正通过雪州旅游局推动“玩转雪州，在地旅游”计划。（TSI）